

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN  
YAAKUB [ MACHANG ]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :

- (a) bilakah projek Jambatan Kg. Joh Belimbing, Machang ke Tanah Merah yang merentasi Sungai Kelantan akan dilaksanakan ; dan
- (b) bilakah jalan daripada Kampung Sat ke Kampung Maka akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Dari Kg. Joh Ke Kg. Kuala Sat, Machang, Kelantan sedang dalam peringkat rekabentuk awalan di mana kerja ukur telah siap dijalankan. Buat masa ini, pihak Agensi Pelaksana bagi projek ni, iaitu Jabatan Kerja Raya Malaysia sedang dalam proses rekabentuk jajaran jalan. Projek ini dijangka dapat diiklankan pada bulan Disember 2020 bergantung kepada kelulusan permohonan pengambilan balik lot-lot tanah yang terlibat.

Bagi projek jalan dari Kampung Sat ke Kampung Maka pula, perkara ini perlu dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan negeri. Pihak KPLB akan membuat permohonan berdasarkan senarai keutamaan berkenaan untuk kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) di dalam '*Rolling Plan*' Rancangan Malaysia ke-12 yang akan datang.